

'Pastikan teguran LKAN tidak berulang'

BH - 19/1/2023
mlb: 2

Menteri diminta kenal pasti masalah, cari penyelesaian terbaik tangani isu

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua menteri mesti meneliti setiap teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), terutama membabitkan perkara berulang yang tidak ditangani.

Tegas Perdana Menteri, perlu ada pengajaran daripada setiap teguran dalam laporan itu dan menteri perlu mengenal pasti masalah, seterusnya berusaha mencari penyelesaian.

Memaklumkan mesyuarat Jemaah Menteri dipengeruskannya semalam mengambil masa yang lama meneliti LKAN 2021, Anwar berkata, menteri sudah diminta memastikan supaya setiap teguran itu

tidak terus berulang.

"Harus ada pengajaran dan saya sudah minta menteri, dalam mesyuarat selepas *post cab* (pasca mesyuarat Kabinet) teliti semula teguran dibuat. Soal perbelanjaan, soal ketirisan, tidak menepati syarat dan peraturan.

"Ini disebut dengan teliti dan saya percaya mereka (pihak audit) akan umumkan pada waktu yang sesuai dan akan dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Jemaah Menteri, di sini.

Elak kesilapan berulang

Perdana Menteri berkata, LKAN menjadi dokumen penting kerana mengenal pasti kesilapan seperti kurang pengawasan, ketirisan dan menyerahkan kontrak kepada syarikat tanpa mengikut peraturan serta syor bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan.

"Namun kesilapan atau keterlanjuran sama berterusan tahun demi tahun. Cuma sekarang kita (kerajaan) tidak memilih mengumumkannya kerana kita memilih untuk badan itu (agensi yang ditegur) menjawab kerana kadang-kadang ada sebab munasa-

bah," katanya.


Perdana Menteri berkata, teguran LKAN bersifat khusus terhadap satu-satu kejadian dan masalah, tidak semestinya membabitkan perbuatan rasuah kerana ia bukan bidang kuasa Jabatan Audit Negara.

"Ia mengenal pasti masalah yang wujud. Jadi, tanggungjawab Jemaah Menteri untuk melihat masalah yang dihadapi dan memanggil agensi terbabit untuk mendapatkan penjelasan, selain melihat tindakan lanjut yang boleh dibuat, termasuk laporan kepada agensi tertentu.

"Setiap kementerian perlu mengambil tanggungjawab melihat kritikan terhadap mereka bagi mengingatkan kakitangan awam mengenai tanggungjawab menjamin integriti dan kecekapan kerja masing-masing," katanya.

Ditanya mengenai kenyataannya Isnin lalu yang meminta kakitangan awam menegur keputusan dibuat menteri, termasuk Perdana Menteri jika didapati melanggar peraturan dan undang-undang, Anwar menjelaskan, kakitangan bawahan boleh menggunakan mekanisme sedia ada untuk membuat teguran.

Beliau merujuk cadangan Pre-



Perdana Menteri pada sidang media di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

siden CUEPACS, Datuk Adnan Mat supaya kerajaan mengeluarkan garis panduan jelas berhubung kaedah atau mekanisme untuk penjawat awam membuat teguran bagi mengelakkan penganiayaan terhadap mereka yang membuat laporan salah laku sedemikian.

Teguran lebih membina

Perdana Menteri berkata, teguran atau pandangan kakitangan bawahan terhadap menteri dan pegawai atasan dalam pentadbiran tidak semestinya dibuat melalui pihak ketiga seperti media, sebaliknya boleh menggunakan mekanisme sedia ada seperti pertemuan harian atau mesyuarat pasca mesyuarat Kabinet.

"Ada mesyuarat *post cab*, boleh kemukakan pandangan. Kalau

rasa agak menyinggung, mungkin jumpa secara berasingan, tetapi harus ditegur. Saya dengan Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Mohd Zuki Ali), saya selalu sebut dengan KSN, (bertanya) kalau arahan saya itu ikut peraturan dan sesuai.

"Kalau tidak, tolong nasihat. Ini barulah kita kerja berpasukan," katanya mengingatkan semua kakitangan awam perlu menerima kenyataan bahawa mereka juga boleh ditegur oleh pegawai atasan sekiranya berlaku keterlanjuran.

Katanya, jika amalan tegur menegur kesilapan itu tidak dilakukan, budaya rasa takut akan menyebabkan pelanggaran peraturan dan undang-undang berlaku tanpa tindakan diambil untuk mencegahnya.